

Dasar luar Tunku pragmatik

BH-19/6/2007.

Falsafah kebebasan, keamanan Bapa Kemerdekaan pertahan kedaulatan negara



Malaysiaku Gemilang

Oleh Prabhakaran S Nair

MENJELANG sambutan jubli emas Kemerdekaan negara, adalah wajar kita mengingat kembali kepada kejadian yang mengilhamkan falsafah kebebasan penuh mendalam yang 'dicipta' secara tidak sengaja oleh Bapa Kemerdekaan kita, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj.

Peristiwa ini berlaku pada 1960 ketika Tunku melawat Jerman. Willy Brandt, Canselor ketika itu menghadiahkan kepada Tunku sebuah replika "loceng kebebasan." Brandt memberitahunya bahawa loceng itu berdering setiap hari untuk mengingatkan rakyat Berlin erti kebebasan.

Tunku mengucapkan terima kasih kepada Brandt, tetapi beliau merujuk loceng itu sebagai 'loceng keamanan.' Seorang daripada orang kenamaan Tanah Melayu yang hadir ketika itu cuba membetulkan kesilapan Tunku dengan berkata "Tuan, namanya loceng kebebasan."

Seperti biasa, Tunku bijak memberi jawapan balas dengan kata-kata berbunyi: "Anda tidak boleh menikmati keamanan tanpa kebebasan dan anda tidak boleh menikmati kebebasan tanpa keamanan."

Kata-kata Tunku ini disambut dengan tepukan gemuruh serta senyum dan ketawa. Nyata sekali kenyataan Tunku me-

INTI PATI

Falsafah kebebasan Tunku Abdul Rahman



- Kenyataan Tunku "tiada keamanan tanpa kebebasan" hanya difahami mereka yang mengalami kesengsaraan pada zaman perang yang kemudian diikuti zaman pergolakan sebelum mencapai Kemerdekaan.
- Untuk menikmati keamanan, rakyat perlu bebas daripada belunggu penjajah.
- Kuasa tentera saja tidak cukup untuk mengekalkan keamanan.
- Kebebasan sebenar tidak wujud jika semua kaum tidak bersatu, sentiasa dalam ketakutan, wujud syak wasangka antara satu sama lain.

nyentuh perasaan orang Berlin. Sambil 'menyelamatkan' dirinya berikutan kesilapan, Tunku berjaya melahirkan dengan spontan falsafah keseluruhan mengenai dunia kebebasan.

Mereka yang mengalami kesengsaraan pada zaman perang yang kemudian diikuti dengan zaman pergolakan sebelum mencapai Kemerdekaan, amat memahami kenyataan "tiada keamanan tanpa kebebasan."

Untuk menikmati keamanan, kita perlu bebas daripada belunggu kolonialisme dan komunisme yang tidak membenarkan rakyat menikmati kebebasan asas mereka dan hak penentuan nasib sendiri.

Selepas bebas daripada belunggu penjajah, tugas Tunku masih belum selesai. Tanggungjawab mengekalkan kebebasan yang dimenangi selepas bersaing dengan beberapa kuasa yang mengancam kewujudan sebuah negara yang baru pula menjadi beban.

Untuk melaksanakan misi ini, Tunku tiada pilihan selain mengharapkan bantuan tentera Barat. Pendirian pro-Barat Tunku ini adalah berdasarkan pemberontakan komunis di tanah air dan kemenangan komunis yang tidak henti-henti di kawasan negara jiran.

Untuk mempertahankan dasar luarnya, Tunku pernah berkata; "Saya mencadangkan kita berdiam diri saja tatkala demokrasi diancam dan menganggap diri kita berdamai dengan seluruh dunia, itu adalah bermuka-muka. Walau betapa kecil pun, kita bukan pengecut, kita bukan munafik. Malah kini, 'neutralisme' tidak boleh menjamin keselamatan seseorang."

Dasar luar negara Tunku terbukti berjaya apabila pasukan Komanwel datang berpegas mempertahankan negara yang baru ditubuhkan selepas mengharungi dua peristiwa.

Pertama, berjaya menamatkan zaman Da-

rurat dan pada kali kedua mereka mempertahankan Malaysia apabila ditentang dan diceroboh Indonesia, mirip ala komunis.

Kita harus sentiasa beringat bahawa kemenangan Kemerdekaan mungkin tidak kekal lama jika negara diambil kuasa oleh pihak komunis atau diserang oleh kuasa asing.

Mujur, perkara ini tidak berlaku di tanah air kita dan kita harus berterima kasih kepada dasar luar negara Tunku yang pragmatik.

Bagaimana pun, perlu diingatkan bahawa dengan kuasa tentera saja tidak cukup untuk mengekalkan keamanan. Kemerdekaan tidak ada maknanya jika tiada keamanan antara pelbagai kaum di negara ini.

Kebebasan yang sebenar tidak akan wujud jika semua kaum di negara ini tidak bersatu, sentiasa dalam ketakutan, wujud syak wasangka antara satu sama lain dan menyokong pihak musuh secara rahsia.

Kemerdekaan tidak bermakna jika kebebasan bercakap dan bentuk kebebasan lain yang dijanjikan oleh bapa pengasas negara dibataskan.

Ketika rakyat memperingati 50 tahun Kemerdekaan, kita perlu memahami betapa pentingnya kewujudan perpaduan rakyat yang kukuh.

Dengan itu marilah kita memberi perhatian kepada apa yang pernah diungkapkan oleh Bapa Kemerdekaan kita, Tunku Abdul Rahman apabila diminta memberi satu sebab Tanah Melayu berjaya menjadi sebuah negara bebas iaitu beliau tidak teragak-agak menjawab: "Ia adalah persefahaman dan kerjasama antara kaum yang berbilang bangsa!"

Penulis adalah Pengarah Pustaka Wira Negara di Memorial Tunku Abdul Rahman